

# TINGKAT PRESTASI PENDIDIKAN TINGGI



**ALIMUDDIN MOHD. DOM**

**D**i mana sahaja berucap, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh akan mengungkapkan kata semangat dan slogan *soaring upwards* atau bermaksud peningkatan ketara yang berterusan pendidikan tinggi. Beliau sentiasa yakin bahawa prestasi dan kualiti pendidikan tinggi negara boleh meningkat dengan lebih hebat lagi berdasarkan banyak pencapaian cemerlang sejak akhir-akhir ini oleh pihak universiti dan siswanya.

Menurutnya, rakyat Malaysia berhak mendapat pendidikan tinggi yang terbaik dan berkualiti sama seperti yang terdapat di negara maju. Melalui peruntukan bajet kerajaan yang besar kepada sektor pendidikan tinggi, sudah semestinya semua pihak ingin melihat pencapaian cemerlang yang sesuai dengan pelaburan itu.

Ternyata keyakinan beliau itu dibuktikan melalui keputusan terkini kedudukan atau 'ranking' institusi pendidikan tinggi (IPT) negara oleh badan penarafan antarabangsa. Misalnya, melalui penilaian 'QS University Rankings 2015,' kedudukan Universiti Malaya meningkat di tempat 146 berbanding di kedudukan 151 pada 2014, Universiti Sains Malaysia kedudukan 289 dari tempat 309 dan Universiti Pertanian Malaysia kedudukan 331 dari tempat 370 pada tahun sebelumnya.

Tambahnya, dengan peningkatan berterusan tahun demi tahun ini tidak mustahil dalam masa terdekat kedudukan beberapa universiti akan tergolong dalam kelompok 100 universiti tersohor di dunia.

Sementara itu, melalui penarafan 'Malaysian Universities in Top 100 of QS University Rankings : Asia 2015' kedudukan IPT terus meningkat. Universiti Malaya di kedudukan 32 pada 2014 meningkat kepada tempat 29 pada 2015, Universiti Sains Malaysia kedudukan 57 meningkat kepada 49, Universiti Kebangsaan Malaysia kedudukan 56 tidak berubah di tempat 56, Universiti Teknologi Malaysia kedudukan 66 kepada 61 dan Universiti Pertanian Malaysia kedudukan 76 kepada tempat 66 pada tahun ini. Dijangka tidak lama lagi beberapa universiti kita boleh menduduki kelompok 20 terbaik di Asia.

Peningkatan pencapaian yang



**SEBAHAGIAN** graduan Universiti Malaysia Sabah melambaikan tangan setelah menerima ijazah masing-masing sempena Majlis Konvokesyen UMS Kali Ke-17, baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN

membanggakan itu menggambarkan pihak pengurusan IPT sentiasa berusaha bagi memastikan prestasi dan kualiti institusi mereka dapat bersaing dengan universiti terbaik yang lain. Nampaknya langkah Kementerian menaik taraf beberapa universiti sebagai berstatus 'universiti penyelidikan' dan memberi kuasa autonomi yang lebih luas menjadi salah satu faktor atas kejayaan tersebut.

Sesungguhnya pencapaian 'ranking' yang baik itu mempunyai hubungan signifikan dengan pengiktirafan pihak luar terhadap pendidikan tinggi negara. Ini dapat dibuktikan apabila bilangan pelajar luar negara di negara ini terus meningkat. Pada tahun, ini terdapat seramai 106,353 pelajar antarabangsa yang sedang menuntut di IPT awam dan swasta. Apa yang menariknya seramai 27,597 orang daripada bilangan tersebut sedang mengikuti pengajian di peringkat sarjana dan Ph.D.

Kehadiran ramai pelajar luar negara ini turut memberi impak besar kepada ekonomi negara. Hasilnya, sektor tersebut menyumbang sebanyak RM4.9 bilion kepada pendapatan tahunan negara. Disasarkan tahun depan bilangan mereka akan bertambah kepada 130,000 pelajar mengikuti pengajian peringkat ijazah dan seramai 35,000 pelajar di peringkat pasca ijazah.

Pada hakikatnya pencapaian yang membanggakan prestasi pendidikan tinggi turut disokong oleh faktor tenaga sumber atau penyarahnya. Kini terdapat seramai

79,122 tenaga akademik yang sedang berkhidmat di IPT di mana seramai 17,882 orang atau 23% daripada mereka mempunyai kelulusan doktor falsafah. Pecahan bilangan pensyarah berkelulusan Ph.D iaitu 12,166 orang berkhidmat di IPTA, 5,670 orang di IPTS, 43 orang di Politeknik dan tiga orang di Kolej Komuniti.

Tambah menarik terdapat seramai 537 pensyarah IPTA yang berkelulusan dari 20 universiti tersohor di dunia. Antaranya seramai 101 orang lulusan dari University of Cambridge, 93 orang dari Imperial College London, 90 orang dari The University of Edinburgh, 71 orang dari University of Oxford dan 54 orang dari University College London. Selain itu, adalah lulusan dari Harvard University, Stanford University, Massachusetts Institute of Technology, Johns Hopkins University dan universiti terkemuka lain.

Untuk menyasarkan pertambahan bilangan pelajar antarabangsa, maka usaha pemasaran pendidikan turut dilakukan oleh empat pejabat 'Education Malaysia' di luar negara. Mereka sering mengadakan pameran, menyediakan maklumat dan bekerjasama dengan agensi berkaitan. Pejabat tersebut terletak di Dubai, UAE; Beijing, China; Ho Chi Minh City, Vietnam dan Jakarta, Indonesia.

Mereka juga bertanggungjawab terhadap pemasaran pendidikan tinggi di negara-negara lain yang berjiran dengan pejabat tersebut. Bagi tujuan memastikan kelastarian pendidikan tinggi maka pihak

**Sesungguhnya pencapaian 'ranking' yang baik itu mempunyai hubungan signifikan dengan pengiktirafan pihak luar terhadap pendidikan tinggi negara.**

kementerian telah melancarkan rancangan jangka panjang melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi). Pelan strategik itu mengemukakan 10 lonjakan yang perlu diberi tumpuan oleh pihak IPT agar institusi pendidikan tinggi sentiasa relevan dan turut memberi sumbangan besar terhadap pembangunan negara.

Lonjakan tersebut adalah tumpuan kepada melahirkan graduan yang holistik, menekankan ciri keusahawanan dan sahsiah yang seimbang, memaju dan membantu menyerlahkan bakat, menghayati pembelajaran sepanjang hayat, graduan berkemahiran melalui TVET yang berkualiti dan kemampanan IPT dari segi penjanaan kewangan.

Selain itu, lonjakan turut memastikan wujudnya pengurusan dan tadbir urus yang cekap, menggalakkan inovasi dengan menyediakan ekosistem yang baik, keunggulan siswazah dan berupaya bersaing di peringkat global, pembelajaran dalam talian melalui tahap kecanggihan terkini dan transformasi kaedah terbaik dalam penyampaian pembelajaran.

Pada pendapat penulis, melalui 10 lonjakan yang dinyatakan itu akan dapat memudahkan pihak IPT menyediakan garis panduan dan perancangan strategik bagi mencapai penghasilan bermutu dan berkesan. Dengan kemudahan seperti peruntukan kewangan, infra struktur yang lengkap, memiliki tenaga sumber berkelayakan dan sokongan daripada semua pihak berkepentingan maka diyakini matlamat perancangan dan lonjakan itu akan dapat dicapai.

Justeru adalah menjadi cabaran dan amanah kepada naib canselor, pengurusan tertinggi dan semua warga IPT untuk memastikan kata semangat dan slogan *soaring upwards* itu akan diterjemahkan melalui kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

**PENULIS** ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UniSZA, Terengganu.